

PENUTUP

## **PENUTUP**

### **5.1    Kesimpulan**

Hasil perbincangan dalam bab ketiga dan bab keempat, penulis dapat mengenangkan di sini beberapa kesimpulan sebagai penemuan hasil kajian penulis berkenaan pemikiran Orang Asli Temuan tentang agama di Perkampungan Orang Asli di Broga, Selangor Darul Ehsan. Antaranya :

1. Kajian ini telah dapat menyingkap dan membongkar adat dan pantang larang di kalangan Orang Asli Temuan yang mempunyai perkaitan langsung dengan sistem kepercayaan mereka. Adat dan pantang larang tersebut kebanyakannya diamalkan dalam urusan perkahwinan, kelahiran, kematian dan semasa seseorang wanita itu mengandung. Pengetahuan tentang adat dan pantang larang ini akan memudahkan para pendakwah mendekati Orang Asli Temuan. Di samping itu juga, pengetahuan tentang adat dan pantang larang tersebut akan menyumbang kepada pemilihan metod penyampaian agama Islam yang lebih terancang dan berhati-hati di kalangan Orang Asli Temuan dengan cuba mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara sensitif yang berhubung dengan adat dan pantang larang mereka.

2. Hasil kajian penulis juga mendapati gerakan dakwah Islamiyah di kalangan Orang Asli Temuan Broga kurang berkesan berdasarkan jumlah pengikut agama Islam di kalangan mereka di Broga. Menurut hasil dapatan kajian penulis, hanya empat buah keluarga sahaja yang menganut Islam daripada 32 buah secara keseluruhannya.
3. Gerakan misionari Kristian dilihat lebih berjaya mengkristiankan Orang Asli di Broga. Terdapat seramai 19 buah keluarga yang menganut agama Kristian di sini. Namun dua buah keluarga daripadanya telah berpindah ke Negeri Sembilan dan Melaka. Antara faktor terpenting kejayaan misionari Kristian di sini adalah keberkesanannya mereka dalam menyakinkan penduduk di Broga bahawa Tuhan Jesus yang sebenarnya menyembuhkan anak Encik Sharif bin Tajam dari sakit yang berpanjangan. Peristiwa inilah yang menyebabkan sebilangan besar penduduk kampung menganuti agama Kristian pada tahun 1987. Di samping itu juga, komitmen Pastor David Lim serta kekurangan halangan dalam soal pemakanan telah menarik minat mereka mempercayai ajaran agama Kristian.
4. Di samping itu juga, penulis mendapati kepercayaan Orang Asli terhadap unsur-unsur animisme seperti yang dibicarakan dalam bab ketiga disertasi ini masih diamalkan dan dipercayai oleh Orang Asli Temuan Broga walau pun mereka telah menganuti pelbagai agama seperti Islam dan Kristian. Terdapat seramai 10 buah keluarga yang masih kekal dengan kepercayaan

animisme. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada warga tua yang mewarisi kepercayaan dan mitologi dari nenek moyang mereka. Bagi generasi muda pula, kebanyakan daripada mereka sudah tidak mempercayai unsur-unsur animisme yang ada dalam komuniti mereka termasuklah kepercayaan kepada konsep “ketulah”, “semangat”, “angin celau”, “hantu”, “badi” dan sebagainya.

5. Hasil pemerhatian, penulis mendapati Orang Asli juga bukanlah manusia primitif sebagaimana pandangan sesetengah pihak. Walau pun kehidupan mereka agak ketinggalan dari sudut pembangunan sains dan teknologi, namun mereka kaya dengan seni dan budaya serta terkenal dengan aspek magis dan ritual atau tatacara dalam upacara keagamaan yang istimewa untuk dikaji dan diselidiki.
6. Masyarakat Orang Asli Islam Broga hendaklah sentiasa didampingi oleh Penggerak Masyarakat dan sentiasa ditunjuk ajar tentang amalan dan ajaran Islam yang sebenar supaya saki baki unsur-unsur khurafat dan kepercayaan karut animisme luput dari pemikiran dan amalan sehari-hari mereka.

Demikianlah kesimpulan-kesimpulan yang dapat diutarakan hasil kajian lapangan penulis berkenaan tajuk disertasi ini di Perkampungan Orang Asli di Broga.

## **5.2 Saranan**

Bertitik tolak daripada kesimpulan-kesimpulan di atas, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan untuk diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berwajib. Antara saranan-saranan tersebut adalah seperti berikut :

1. Dalam usaha meningkatkan bilangan Orang Asli Temuan yang menganut agama Islam di Broga, pihak-pihak berwajib terutamanya pihak JHEOA, JAKIM, Majlis Agama Islam Selangor ( MAIS ) hendaklah memberikan bantuan material dan sokongan moral secara berterusan kepada penganut-penganut baru sehingga mereka benar-benar merasa terbela dan diberi perhatian sewajarnya apabila mereka memeluk agama Islam. Kebajikan anak-anak mereka dari sudut pendidikan rendah dan menengah hendaklah dibantu. Penulis berkeyakinan kejayaan anak-anak mereka dalam bidang akademik nanti akan menjadi contoh teladan bagi kanak-kanak Orang Asli Temuan yang lain dan seterusnya membuka mata kepada ibu bapa mereka untuk mendekati Islam.
2. Para pendakwah dan Penggerak Masyarakat Orang Asli setempat haruslah sentiasa diperkemaskan dengan ilmu pengetahuan yang berhubung kait dengan adat dan pantang larang Orang Asli Temuan. Kursus kefahaman tentang adat dan pantang larang mereka perlu diadakan dari semasa ke semasa oleh pihak berwajib seperti JAKIM, JHEOA dan Majlis Agama

Islam negeri-negeri.

3. Di samping itu juga, penulis merasakan perlu disegerakan pembinaan sebuah surau di Kampung Orang Asli Broga bagi memberi peluang kepada Orang Asli Temuan yang beragama Islam menunaikan ibadah secara berjemaah dengan Penggerak Masyarakat dan menerima tunjuk ajar berkenaan ajaran Islam pada setiap hari. Perpustakaan mini yang memuatkan buku-buku bercorak keislaman seperti kisah-kisah Nabi, panduan belajar sembahyang dan sebagainya juga patut diadakan bagi menambahkan pengetahuan Orang Asli terutamanya kanak-kanak tentang agama Islam.
4. Orang Asli yang telah menganuti agama Islam hendaklah mengekalkan hubungan baik sesama jiran tanpa mengira anutan agama mereka. Mereka juga harus sentiasa berbuat kebajikan kepada jiran serta menghulurkan bantuan jika diperlukan, khususnya kepada Orang Asli yang masih belum mempunyai sebarang anutan agama. Penggerak Masyarakat Orang Asli di Broga dan Tok Jenang hendaklah sentiasa memberikan galakan dan keyakinan kepada Orang Asli yang masih berkepercayaan animisme terutamanya Tok Batin yang mempunyai pengaruh kuat ke atas anak-anak buahnya, bahawa Islam adalah agama yang sebenar-benarnya. Islam adalah agama yang memandu manusia untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat. .

5. Khusus kepada para penyelidik dan sarjana Islam yang menjadikan Orang Asli sebagai subjek kajian mereka, penulis ingin menyarankan agar dipertingkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan mengenai Orang Asli dari pelbagai sudut bagi menambahkan lagi khazanah ilmu pengetahuan untuk kegunaan pelbagai pihak terutamanya para pendakwah Islam, Penggerak Masyarakat JAKIM dan sebagainya.
6. Di samping itu juga, satu daya usaha perlu digemblengkan bagi mencungkil cerita-cerita rakyat Orang Asli dan dibukukan agar generasi pada masa hadapan dapat membaca dan mengetahuinya.

Akhirnya, mudah-mudahan beberapa penemuan hasil kajian penulis terhadap cara berfikir Orang Asli tentang agama ini akan membuka jalan kepada para pengkaji mahu pun pendakwah mengenal pasti konsep-konsep keagamaan dan sistem kepercayaan masyarakat Orang Asli Temuan dan seterusnya menggunakan pengetahuan yang ada untuk mananamkan bibit-bibit keimanan secara beransur-ansur tentang akidah dan pemikiran Islam di kalangan Orang Asli.